
[BIL. 15 JAN 2019](#)

‘Pendidikan untuk Semua’ – Amanat Menteri Pendidikan

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik menyampaikan Amanat Menteri Pendidikan Tahun 2019 deng

dalam majlis yang dihadiri lebih 3,000 orang di Dewan Besar, Pusat Kesenian dan Kebudayaan Sultan Saiful Alam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang pada 14 Januari 2019 yang lalu.

Menurut Dr. Maszlee, dengan menyentuh cabaran mendepani pendidikan dalam menuju Wawasan 2020, pendidikan ialah melalui pendidikan dan bagi membentuk masyarakat bersatu padu, pendidikan adalah titik mulanya.

“Kewibawaan pengajian tinggi juga akan dikembalikan, selain memberi penekanan terhadap golongan terendah dan pelajar miskin kerana mereka juga mempunyai hak sama dalam mendapat pendidikan.

“Selari dengan visi kita iaitu untuk mengembalikan wibawa universiti awam dan pengajian tinggi melalui pendidikan sebagai teras pendidikan, kita telah menggariskan empat hala tuju khusus bagi Universiti Awam (UA) dan Pendidikan Tinggi Awam (PTA).

“Empat hala tuju tersebut ialah kualiti, autonomi, kolaborasi dan pengantarabangsaan bertepatan dengan Wawasan 2020 yang mana akan dilaksanakan menerusi tiga aspek iaitu kecemerlangan, relevan dan keberkesanan,” katanya.

Tambah beliau lagi, untuk mencapai tahap ketinggian kualiti yang memuaskan ini, beberapa perubahan dalam akademik perlu visible dengan penghasilan karya-karya yang memanfaatkan masyarakat yang mana pro dan ke arah memberikan penyelesaian kepada masalah masyarakat dan membangunkan negara.

“Selain itu, etika merupakan aspek yang sangat besar dan perlu ditekankan. Etika bekerja yang tidak baik mesti dihentikan. Integriti tidak akan dikompromi, termasuk pembasmian plagiarisme, bonceng gratis dan sebagainya yang berkualiti semata-mata ingin mengejar markah penerbitan.

“Penerbitan yang dihasilkan mestilah mencerminkan penguasaan para intelek terhadap bidangnya sekaligus meningkatkan mutu tersebut.

“Dalam pada itu, kualiti geran-geran penyelidikan akan dipertingkatkan. Geran-geran yang akan dikeluarkan akan menggalakkan penterjemahan karya-karya besar dan mesti ke arah menyelesaikan masalah masyarakat yang substantial,” ujar beliau.

Menurut beliau lagi, bagi sistem promosi para pensyarah pula, kementerian akan mula bergerak ke arah sistem seperti sistem pusat data raya (*big data*) dengan teknologi kepintaran buatan (*artificial intelligence*) yang mana sumbangan mereka sekali gus akan menentukan kelayakan kenaikan pangkat secara automatik.

“Dengan menjadikan Perpustakaan sebagai gedung ilmu yang paling luas dan tidak berpenghujung, seluruh universiti juga akan ditambah baik dan akses-akses kepada penerbitan luar akan ditingkatkan,” katanya.

Dr. Maszlee juga mensasarkan agar UA dan pengajian tinggi menjadi rujukan dan tumpuan global.

“Proses pengantarabangsaan ini termasuklah dengan usaha meramaikan bilangan pelajar asing untuk menjadikan Malaysia sebagai *international education hub* dan membina lebih banyak cawangan universiti awam dan satelit universiti.

“Selain itu, kementerian juga akan menggalakkan penubuhan cawangan universiti asing di dalam universiti tempatan untuk memperbanyakkan lagi kolaborasi kajian di antara universiti tempatan dengan universiti terkemuka di luar negara menjadi profesor pelawat di universiti luar negara.

“Dalam usaha meningkatkan lagi autonomi di universiti, petunjuk prestasi (KPI) setiap fakulti akan diperkenalkan yang bersifat *one-size-fits-all*. Universiti akan dibahagikan kepada kluster bagi mewujudkan sinergi dan kolaborasi yang lebih baik,” katanya lagi.

Tegas beliau lagi, pemerkasaan mahasiswa di institusi pengajian tinggi dan institusi pendidikan telah dan pertama adalah pemansuhan seksyen 15 (1) (c) yang mengekang penglibatan para mahasiswa untuk te secara sah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun.

“Dalam hala tuju yang ketiga iaitu kolaborasi, ekosistem kecendekiawanan mesti disemarakkan lagi. Ini mentee antara profesor senior dan pensyarah-pensyarah baharu untuk mewujudkan lebih banyak schools

“Di samping itu, pihak universiti juga perlu berkolaborasi dengan pihak lain untuk mewujudkan endowmen. Gunakanlah peluang insentif cukai untuk aktifkan endowmen melalui alumni.

“Begitu juga dengan usaha menggerakkan dengan lebih drastik dan menyeluruh usaha pengantarabang karya yang bermutu tinggi mesti dihasilkan dan diterjemah, proses penterjemahan mesti giat dijalankan, p berjalan dengan lebih efektif di peringkat global,” katanya.

Katanya, tidak terkecuali politeknik dan kolej komuniti juga tidak akan dipinggirkan daripada radar penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan.

“Penjajaran di antara MTUN dengan politeknik juga telah diusahakan untuk memastikan peluang graduan terjamin. Politeknik dan kolej komuniti juga telah membuka peluang bagi para pelajar lepasan tahfiz kemahiran untuk kerjaya hidup mereka,” ujar beliau.

Dalam majlis yang sama, Dr. Maszlee juga turut merasmikan Buku Pelan Transformasi ICT KPM 2019-202

Hadir sama Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching. Majlis turut dihadiri Naib Canselor UMP, Prof barisan pengurusan universiti.

Pihak Kementerian dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga menyeru semua pihak kempen besar-besaran ke arah membina sebuah masyarakat yang membaca dan cintakan ilmu sekal Negara Membaca menjelang tahun 2030.

Sijil Perakuan Bomba jaminan keselamatan bangunan

Oleh: Ts MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

affendi@ump.edu.my

- 78 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

